JUZU' KE-30
SURAH
AL-'ADIYAT

SURAH KE

100

سُورَةُ العَادِيَاتِ

SURAH AL-'ADIYAT

Surah Gegaran Bumi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

11

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلْعَـٰدِيَـٰتِ ضَبْحًا ﴿١﴾ فَٱلْمُورِيَـٰتِ قَدْحًا ﴿٢﴾

فَٱلْمُغِيرَٰتِ صُبْحًا ﴿٣﴾ فَأَثَرْنَ بِهِۦ نَقْعًا ﴿٤﴾

فَوَسَطْنَ بِهِۦ جَمْعًا ﴿٥﴾

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لِرَبِّهِۦ لَكَنُودٌ ﴿٦﴾

وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾

وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٩﴾

وَحُصِّلَ مَا فِى ٱلصُّدُورِ ﴿١٠﴾

إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌۢ ﴿١١﴾

"Demi kuda-kuda perang yang berlari pantas dan mendengus kencang(1). Dan demi kuda-kuda perang yang hentakan kakinya mencetuskan api(2). Dan demi kuda-kuda perang yang menyerang di waktu pagi(3). Lalu menerbangkan debu berkepul-kepul(4). Dan dengan kepulan debu itu ia menyerbu ke tengah kumpulan musuh(5). Sesungguhnya manusia itu amat tidak bersyukur kepada ni'mat Tuhannya(6). Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian(7). Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan(8). Adakah ia tidak tahu apabila dibongkarkan isi kubur(9). Dan didedahkan segala isi dada(10). Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Penceritaan surah ini berlangsung begitu cepat, keras dan mengharukan. Ia melompat-lompat begitu cepat dan tangkas dari satu babak ke babak yang lain dan akhirnya sampai ke babak penghabisannya seperti berakhirnya penunggang kuda pada pusingannya yang terakhir.

Mula-mula ia menayangkan pemandangan sekumpulan kuda yang berlari pantas dengan dengusan-dengusan nafasnya yang kencang dan hentakan-hentakan kakinya yang mengeluarkan bunga-bunga api, iaitu kuda-kuda yang melancarkan serangan di waktu pagi dan membuat debu-debu bumi yang dipijaknya naik berkepul-kepul, dan di dalam kepulan-kepulan debu itulah ia menyerbu ke tengah angkatan musuh dan menyerang mereka secara mengejut mengakibatkan barisan mereka ketakutan dan lari bertempiaran.

Kemudian diiringi dengan pemandangan manusia yang tidak bersyukur, pementing diri dan bakhil.

Kemudian diiringi pula dengan pemandangan kubur-kubur yang dibongkarkan dan dada-dada yang dikeluarkan isi kandungannya.

Dan pada akhirnya tamatlah kepulan-kepulan debu, tamatlah perangai tidak mengenang budi dan bakhil, tamatlah proses pembongkaran kubur dan pengumpulan manusia dan segala-galanya selesai dengan kembali kepada Allah:

إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌۢ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11)

Rentak nada dari kata-kata dalam surah ini kedengaran keras dan berdentam-dentum, sesuai dengan suasana gempar, hiruk-pikuk dan berdebu-debu yang ditimbulkan oleh kubur-kubur yang dibongkar dan dada-dada manusia yang dikeluarkan segala isinya dengan kuat, juga sesuai dengan suasana sikap yang tidak mengenang budi, mementingkan diri dan terlalu bakhil. Oleh sebab itu semua penceritaan ini memerlukan satu frem yang sesuai, maka Al-Qur'an memilih frem itu dari suasana gempar yang diselubungi kepulan-kepulan debu-debu yang dicetuskan oleh kuda-kuda yang berlari kencang dan mendengus-dengus keras sementara hentakan kakinya mengeluarkan api. Itulah angkatan berkuda yang melakukan serangan mendadak dilimun pagi. Ia merangsangkan kepulan-kepulan debu dan terus menggempur di tengah-tengah musuh tanpa menunggu-nunggu. Frem itu merupakan sebahagian dari pemandangan, dan pemandangan merupakan sebahagian dari frem.[1]

* * * * * *

---

[1] *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلْعَٰدِيَٰتِ ضَبْحًا ﴿١﴾ فَٱلْمُورِيَٰتِ قَدْحًا ﴿٢﴾
فَٱلْمُغِيرَٰتِ صُبْحًا ﴿٣﴾ فَأَثَرْنَ بِهِۦ نَقْعًا ﴿٤﴾
فَوَسَطْنَ بِهِۦ جَمْعًا ﴿٥﴾

"Demi kuda-kuda perang yang berlari pantas dan mendengus kencang(1). Dan demi kuda-kuda perang yang hentakan kakinya mencetuskan api(2). Dan demi kuda-kuda perang yang menyerang di waktu pagi(3). Lalu menerbangkan debu berkepul-kepul(4). Dan dengan kepulan debu itu ia menyerbu ke tengah kumpulan musuh."(5)

Allah S.W.T. bersumpah dengan kuda-kuda perang dan menggambarkan pergerakan-pergerakannya satu demi satu bermula dari lariannya yang pantas dengan suara nafasnya yang mendengus kencang dan dengan hentakan tapak kakinya yang mengeluarkan bunga-bunga api, kemudian menggempur musuh dengan serangan kilat di waktu pagi dalam kepulan-kepulan debu menyebabkan barisan musuh kacau-bilau dan hiruk-pikuk. Itulah langkah-langkah pertempuran biasa yang lumrah dialami oleh orang-orang Arab yang mula-mula ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka. Persumpahan Allah dengan kuda-kuda perang dalam bentuk itu membayangkan betapa kasihnya Allah kepada gerakan dan kegiatan kuda-kuda perang itu dan betapa tinggi nilainya di sisi Allah.

Selain dari itu, di sana terdapat keselarasan di antara pemandangan kuda-kuda dengan pemandangan sifat-sifat jiwa yang dijadikan objek sumpah dan ulasan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Yang menjadi objek sumpah Allah S.W.T. ialah hakikat jiwa manusia yang kosong dari dorongan-dorongan iman, iaitu satu hakikat yang dibangkitkan oleh Al-Qur'an untuk menyedarkan manusia agar ia mengerahkan seluruh azam dan kemahuannya menentang hakikat hati yang kosong itu, kerana Allah mengetahui hakikat itu mempunyai pertalian yang mendalam dalam hatinya dan mempunyai kesan amat kuat mempengaruhi entitinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لِرَبِّهِۦ لَكَنُودٌ ﴿٦﴾
وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾
وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya manusia itu amat tidak bersyukur kepada ni'mat Tuhannya(6). Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian(7). Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan." (8)

Sifat manusia memang tidak mengingatkan ni'mat Allah yang melimpah ruah kepada mereka dan sifat ini terbayang jelas dalam segala gerak-geri dan tutur katanya.

Semuanya menjadi saksi yang mengakui hakikat ini, dan seolah-olah manusia sendiri mengakui hakikat ini, atau ia akan mengakui pada hari Qiamat bahawa dia memang tidak mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepadanya:

وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian."(7)

Ia mengakuinya pada Hari Qiamat, di mana ia harus bercakap benar tentang dirinya, kerana pada hati itu tiada ruang untuk berdolak-dalik.

وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

"Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan."(8)

Tabi'at Sayangkan Harta Kekayaan

Manusia sangat sayangkan dirinya sendiri, kerana itu ia sayangkan harta kekayaannya iaitu dalam bentuk wang, kuasa dan ni'mat-ni'mat kesenangan hidup dunia. Inilah tabi'at semulajadi manusia selama hatinya tidak bersebati dengan keimanan yang dapat mengubahkan kefahaman-kefahamannya dan nilai-nilai hidupnya, neraca pertimbangannya dan minat-minat perhatiannya, di samping mengubahkan sifat hatinya yang mengingkari ni'mat Allah kepada sifat mengenang budi dan bersyukur kepada Allah, juga mengubahkan sifatnya yang bakhil dan mementingkan diri kepada sifat kasihan belas dan mementingkan kebajikan orang lain, dan seterusnya memperlihatkan kepadanya nilai-nilai yang hakiki yang wajar dicinta dan direbut, wajar diusaha dan diperjuangkan olehnya iaitu nilai-nilai iman yang lebih tinggi dari nilai-nilai harta benda, kuasa dan ni'mat hidup dunia yang bersifat hayawani.

Tanpa Iman Manusia Menjadi Kecil

Manusia tanpa iman adalah manusia yang kecil dan kerdil. Cita-citanya juga kecil dan kerdil. Tetapi biarpun setinggi mana cita-citanya dan matlamat hidupnya, namun ia tetap bergelimang dengan lumpur bumi, tetap terikat dengan batas umurnya dan tetap terpenjara dalam tubuhnya. Dia tidak akan bebas dan tidak akan terangkat tinggi melainkan apabila ia berhubung dengan alam ketuhanan yang lebih besar dari alam bumi, lebih jauh dari alam hidup dunia dan lebih luas dari alam diri, iaitu alam yang lahir dari Allah yang azali dan kembali kepada Allah yang abadi di mana kehidupan dunia berhubung dengan Akhirat tanpa akhir buat selama-lamanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kerana itu di dalam surah ini dikemukakan satu peringatan terakhir untuk mengubati penyakit-penyakit tidak mengenang budi, mementing diri dan bakhil, dan untuk meleburkan belenggu-belenggu yang mengikat jiwa manusia dan membebaskan mereka darinya di samping menayangkan pemandangan kebangkitan dari kubur dan berkumpul di Padang Mahsyar dengan satu gambaran yang membuat seseorang itu lupakan kesayangan terhadap harta kekayaannya dan menyedarkannya dari sifat-sifatnya yang angkuh dan sombong:

أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي ٱلْقُبُورِ ۝٩
وَحُصِّلَ مَا فِي ٱلصُّدُورِ ۝١٠

"Adakah ia tidak tahu apabila dibongkarkan isi kubur(9). Dan didedahkan segala isi dada."(10)

Itulah satu pemandangan yang ngeri dan mengharukan pemandangan kubur-kubur digelidah dan dibongkar dan pemandangan rahsia-rahsia manusia yang disembunyikan itu diragut keluar dari dada-dada mereka, semuanya berlaku dalam suasana yang keras, dahsyat dan penuh debu.

Apakah manusia tidak tahu apabila hal ini berlaku? Allah tidak menyebut apa yang manusia harus tahu, supaya apabila manusia itu sedar bahawa perkara ini akan berlaku, maka ini sudah cukup untuk mengharukan perasaannya, juga supaya manusia cuba mencari jawapan sendiri, meneroka sendiri dan memahami sendiri kesan-kesan dan akibat-akibat yang mengikuti pergerakan-pergerakan peristiwa-peristiwa yang dahsyat itu.

Kemudian pergerakan-pergerakan yang dahsyat itu ditamatkan dengan pernyataan kembalinya segala sesuatu, segala urusan dan segala kesudahan kepada Allah:

إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ ۝١١

"Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11)

Segala Sesuatu Kembali Kepada Allah

Segala sesuatu berakhir dengan kembalinya kepada Allah Yang Maha Mengetahui keadaan-keadaan dan rahsia-rahsia mereka pada Hari Qiamat itu. Memang Allah mengetahui keadaan manusia di setiap waktu, tetapi menyebut pengetahuan Allah yang khusus pada hari itu akan membawa kesan-kesan lebih menyedarkan manusia iaitu pengetahuan yang membayangkan di sebaliknya akibat yang buruk, Hisab dan Balasan dari Allah. Inilah pengertian yang tersirat di dalam ayat ini.

* * * * * *

Surah ini merupakan satu perjalanan pendek yang penat, sibuk dan kalut sehingga akhirnya, baik dari segi makna, kata-kata mahupun dari segi nada kata-kata mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an.

* * * * * *